

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MASIR KUJAT (SRI AMAN)

TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan sama ada Kerjasama Tentera (Military Alliance) di antara negara kita dengan 4 negara yang lain dalam *Five Power Defence Arrangements* masih relevan. Sekiranya relevan apakah persediaan yang dibuat untuk menghadapi ancaman besar perebutan kuasa di Laut China Selatan antara China dan Amerika Syarikat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerjasama pertahanan pelbagai hala *Five Powers Defence Arrangement (FPDA)* merupakan satu peraturan yang ditandatangani pada tahun 1971 di antara lima buah negara iaitu Malaysia, Singapura, Australia, New Zealand dan United Kingdom dengan tujuan untuk menyumbang kepada pertahanan luar Malaysia dan Singapura.

Sejak penubuhannya, negara-negara anggota FPDA telah menjalin hubungan ketenteraan yang rapat melalui eksesais-eksesais peperangan konvensional bagi tujuan meningkatkan keupayaan negara masing-masing selain memastikan saling kebolehoperasian antara tentera negara anggota semasa menghadapi ancaman.

Setelah 50 tahun, kerjasama pertahanan FPDA masih kekal relevan dan akan terus diperkasakan berdasarkan keperluan strategik semasa keselamatan serantau Asia Tenggara. Melangkah ke hadapan, Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan FPDA ke-11 di Kuala Lumpur pada 21 Oktober 2021 telah turut membincangkan hala tuju strategik, aktiviti dan latihan berjadual untuk tempoh 10 tahun akan datang sehingga tahun 2031. Ini termasuk pengenalan aset generasi ke-5 dalam eksekusi berjadual FPDA yang diadakan bersama negara-negara anggota FPDA.

Selain daripada itu, FPDA juga akan terus mempertingkatkan latihan berkaitan domain keselamatan bukan tradisional seperti anti-keganasan, keselamatan maritim dan bantuan kemanusiaan dan bencana alam. Bagi memastikan hala tuju FPDA kekal relevan dan sentiasa bersedia menghadapi ancaman semasa dan akan datang, keselamatan siber telah diketengahkan sebagai cabang baru domain bukan tradisional. Sinergi yang terbina di bawah platform kerjasama FPDA lima negara ini jelas penting untuk memenuhi dan mengimbangi keperluan strategik pertahanan khususnya dalam isu pertembungan kuasa-kuasa besar di Laut China Selatan. Kerjasama berterusan antara negara-negara anggota FPDA berupaya mengukuhkan kesefahaman yang seterusnya akan menyumbang kepada kestabilan rantau ini.

Malaysia akan terus memberikan komitmen kepada FPDA sebagai kerjasama pertahanan pelbagai hala yang telah banyak memberi manfaat kepada pertahanan negara daripada segi peningkatan pengetahuan, kemahiran dan tahap profesionalisme ATM dalam menangani pelbagai ancaman dan cabaran.

Terima kasih.